



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**ISU BIHUN GORENG YANG DISYAKI TERCEMAR
DENGAN SERPIHAN KACA**

Kementerian Kesihatan memandang serius isu bihun goreng yang dilaporkan tercemar dengan bahan asing disyaki serpihan kaca di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Nigel Gardner, Bestari Jaya, Selangor, pada 24 Februari 2016 yang melibatkan 67 orang murid dan seorang guru bertugas.

Kejadian ini dilaporkan melibatkan menu bihun goreng di bawah Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang disediakan oleh pembekal yang dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Kementerian Kesihatan telah menjalankan pemeriksaan ke atas kantin sekolah tersebut dan mendapati ianya digunakan sebagai tempat penghidangan makanan sahaja. Dalam hal ini, bihun goreng tersebut disediakan di rumah pembekal dan pemeriksaan ke atas dapur rumah tersebut mendapati tahap kebersihan dapur tidak memuaskan dan berada dalam keadaan tidak terurus.

Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas kebersihan dan keselamatan makanan di kantin sekolah secara berkala di seluruh negara. Pada tahun 2015, sebanyak 13,674 pemeriksaan kantin telah dilaksanakan. Hasil pemantauan ini sebanyak 66 telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Di samping itu, Kementerian Kesihatan akan mempertingkatkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan di dalam aktiviti pemantauan kebersihan dan keselamatan makanan yang disediakan di luar kantin sekolah termasuk RMT dan satu garis panduan akan disediakan dalam masa terdekat.

Sekiranya ibubapa atau pelajar sekolah merasa ragu-ragu dengan status kebersihan makanan yang dihidangkan di kantin sekolah, mereka hendaklah memaklumkan kepada pihak sekolah dan membuat laporan kepada Kementerian Kesihatan melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) terdekat atau melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan www.facebook.com/bkkmhq.

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam
Menteri Kesihatan Malaysia

2 Mac 2016